

# Kerjasama perkukuh ekonomi G77

BH 25 AU6 2000

Daripada Azman Abdul Hamid

LONDON, Rabu ~ Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara anggota Kumpulan 77 (G77), khususnya di benua Afrika, perlu sedar faedah besar yang bakal diterima dari segi ekonomi menerusi kerjasama sesama anggota pergerakan itu.

Perdana Menteri berkata, kerjasama itu membolehkan negara anggota berada pada tahap pembangunan lebih pesat seperti Malaysia, yang digelar memiliki 'ekonomi Harimau', membantu anggota lain untuk mencapai pembangunan lebih baik.

"Saya berpendapat memang perlu bagi negara rantau Selatan bekerjasama kerana ia akan membolehkan negara anggota yang memiliki pembangunan lebih baik, membantu rakan lain.

"Malaysia mahu ber-

**Kerjasama itu membolehkan negara anggota berada pada tahap pembangunan lebih pesat seperti Malaysia, yang digelar memiliki 'ekonomi Harimau', membantu anggota lain untuk mencapai pembangunan lebih baik**

kongsi pengurusan ekonomi, khususnya dengan negara (anggota G77 dari benua) Afrika," katanya dalam sidang akhbar bersama tiga anggota Suruhanjaya Penyelaras Selatan (SCC), di sini hari ini.

Tiga anggota SCC itu ialah Presiden Nigeria, Olusegun Obasanjo; Presiden Algeria, Abdul Aziz Bouteflika dan pemimpin Jamaica, PJ Patterson.

Dr Mahathir, Obasanjo,

Bouteflika dan Patterson diberi mandat oleh sidang kemuncak pertama G77 di Havana April lalu untuk menggerakkan pelan induk pengukuhan kerjasama ekonomi anggota pergerakan itu bagi menyekat ketidakseimbangan perdagangan antarabangsa.

Menjawab pertanyaan sama ada usaha SCC itu akan mencetuskan konflik antara dunia membangun dan maju, Bouteflika me-

negaskan Algeria mahupun mana-mana negara lain, menyambut baik proses globalisasi.

"Bagaimanapun, setiap negara yang menerima globalisasi mempunyai pendirian sendiri dalam perkara ini dan rundingan kami berteraskan prinsip itu.

"Saya peraya konflik tidak akan berlaku kerana kami berunding ke arah memperbaiki keadaan," katanya.

Obasanjo pula menolak dakwaan ketidakhadiran Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki adalah cubaan memecah-belahkan mereka yang akan mem-

bincangkan proses kerjasama sesama negara anggota G77.

"Saya mengenali beliau sebagai tokoh yang mempunyai kewibawaan tinggi. Kita mungkin tidak tahu sepenuhnya mengapa beliau tidak hadir tetapi kami tidak akan membuat apa-apa tafsiran negatif," kata

pemimpin Nigeria itu.

Mbeki ialah anggota kelima SCC tetapi hanya menghantar wakil ke London bagi mengikuti perbincangan itu.

Obasanjo kemudian membaca surat Mbeki kepadanya sebagai bukti pemimpin Afrika Selatan menyokong mesyuarat SCC di sini.

"Saya meminta maaf kerana tidak akan menghadiri mesyuarat penting kali ini kerana jadual tidak membenarkan saya datang. Tetapi Afrika Selatan tetap menaruh keyakinan terhadap matlamat negara Selatan," kata Obasanjo yang memetik surat Mbeki itu.